

PERANAN ISIRUMAH DALAM PENGUMPULAN MODAL: PENGALAMAN MALAYSIA DENGAN AMANAH SAHAM NASIONAL.

Mahindar Santokh Singh.

[With the impact of industrialization on the household, the role of institutional factors in monitoring the household as an integral part of national industrial systems is considered. This paper analyses Malaysia's experience with 'Amanah Saham Nasional' (ASN) as an institution for mobilizing savings at the household level for capital investment in the corporate sector apart from the explicit objectives of promoting ownership of share capital of the Bumiputera community in the corporate sector in accordance with the New Economic Policy.]

The marginal propensity to save is evident among rural and urban small income households but mobilization of savings specifically for capital accumulation hinges on the process of structural transformation and associated changes in attitudes and preferences for forms of savings and investments.

Dengan impak perindustrian ke atas isirumah peranan faktor-faktor institusi dipertimbangkan dalam mengesan isirumah sebagai satu bahagian integral sistem-sistem industri dalam negara. Kertas kerja ini menganalisis pengalaman Malaysia dengan Amanah Saham Nasional (ASN) sebagai satu institusi yang mengumpul simpanan isirumah bagi tujuan pengumpulan modal pelaburan dalam sektor syarikat selain daripada tujuannya yang terdedah untuk menggalakkan hakmilik modal saham oleh komuniti Bumiputera dalam sektor syarikat di Malaysia sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru.

Di antara isirumah yang berpendapatan rendah sama ada di bandar atau di desa keupayaan marginal untuk simpanan sudah termaktub, tetapi simpanan untuk pengumpulan modal pelaburan bergantung ke atas proses perubahan struktur serta perubahan dalam sikap dan kecenderungan mereka terhadap bentuk-bentuk simpanan dan pelaburan.]

Pengenalan:

Peranan isirumah dalam pengumpulan modal pelaburan perlu diselidiki dengan lebih teliti akibat impak perindustrian ke atasnya. Pengaruh-pengaruh fasa industri dalam pembangunan ekonomi tidaklah searah sahaja, dan tidak juga terbatas kepada impak organisasi-organisasi industri ke atas tindakbalas isi keluarga terhadap pasaran tenaga buruh, migrasi desa-bandar, migrasi bandar-bandar dan pola penggunaan. Perhubungan-perhubungan ini sangatlah kompleks. Sebaliknya perhubungan tersebut menggambarkan impak jangka masa pendek dan jangka masa panjang pola isirumah dan sistem nilai ke atas industri, kadar kemajuan dan peringkat penyertaan isi rumah dalam industri.

Kebanyakan negara-negara Asia dikatakan telah bermula menjalankan perindustrian dari asas-asas ekonomi yang sama tetapi model Jepun telah berkembang dengan lebih cepat. Sedikit sebanyaknya pencapaian yang cemerlang ini disebabkan oleh perbezaan-perbezaan dalam sikap terhadap golongan keluarga dan isirumah. Institusi-institusi di negara Jepun telah mempengaruhi pola perhubungan dan tindakbalas sosial. Chalmers Johnson (1982, hal 14) membincang mengenai beberapa cara bagaimana pihak kerajaan mempengaruhi struktur institusi-institusi istimewa itu, dan seterusnya bagaimana institusi-institusi ini telah menggerakkan kadar pertumbuhan Jepun sehingga pembentukan modal melebihi tiga puluh peratus Keluaran Kasar Negara (KKN) pada masa-masa pertumbuhan pesat. Kebanyakan institusi ini dibentuk pada masa Jepun menjalankan kempen-kempen 'rasionalisasi industri'. Suatu contoh ialah sistem simpanan. Johnson mengatakan bahawa terdapat tekanan-tekanan yang kuat dari luaran yang telah menggalakkan orang Jepun menyimpan, dan tekanan-tekanan ini mengukuhkan lagi semangat berjimat-cermat isirumah Jepun. Di antara tekanan-tekanan ini termasuk satu sistem kebajikan sosial yang kurang sempurna, kekurangan perumahan baru serta kekurangan tanah untuk perumahan, dan premium tinggi untuk pendidikan universiti bagi pelajaran anak-anak. Kedua-dua ini memerlukan perbelanjaan yang tinggi. Lebih-lebih lagi satu sistem pembayaran gaji termasuk pembayaran bonus yang besar dua kali setahun; sistem persaraan dengan potongan sejumlah besar gaji seorang pekerja sebelum beliau sampai umur 60 tahun; sistem kredit pengguna yang tidak maju, sistem simpanan pos kerajaan dengan kadar-kadar faedah yang menarik dan terjamin; kekurangan satu pasaran modal pelaburan yang maju ataupun alternatif-alternatif lain untuk simpanan persendirian; dan pengecualian yang besar dari cukai pendapatan bagi faedah yang didapati daripada akaun-akaun simpanan; kesemuanya telah menggalakkan simpanan. Pihak kerajaan sedar akan insentif-insentif ini untuk menyimpan dan telah menyalurkan simpanan-simpanan ini ke dalam akaun-akaun Kementerian Kewangan, di mana simpanan tersebut dilabur semula dalam industri berdasarkan rancangan rasionalisasi industri yang disediakan oleh

kerajaan. Oleh itu, pihak kerajaan 'telah giat berusaha untuk menggalakkan semangat berjimat-cermat itu' (Johnson 1982; hal 15). Model Jepun tidak lain daripada model berorientasi-keluarga.

Penyelidikan ini ialah satu percubaan awal untuk mengkaji peranan faktor-faktor institusi dalam mengesan isirumah sebagai satu bahagian integral sistem-sistem industri dalam negara Malaysia. Pada tahap perkembangan teori ini, perlulah dinilai sama ada isirumah ini benar-benar satu lagi mekanisme di mana penggunaan dan pengeluaran diintegrasikan, sama ada peranannya dapat dinilai sebagai membekalkan fokus penyatuan untuk memahami dinamik sistem-sistem industri, dan sama ada pertumbuhan dan terus hidup isirumah dan sistem industri adalah saling bergantung.

Penekanan di dalam penyelidikan ini ditumpukan kepada peranan positif modal pelaburan iaitu peranannya dalam bentuk kewangan yang dilaburkan dalam elemen-elemen pengeluaran. Titik permulaan untuk pusingan modal bukanlah pengeluaran tetapi modal. Modal yang dihasilkan ialah lebihan yang dilabur untuk menghasilkan lagi nilai lebihan. Jelaslah keutamaan modal pelaburan dalam dinamik sosial. Pengeluaran modal yang bertambah-pengumpulan modal pelaburan — ialah elemen untuk pertumbuhan ekonomi dalam masyarakat-masyarakat yang berasaskan cara pengeluaran kapitalis (Walker dan Stopper 1981; hal 477). Penggunaan konsep, cara pengeluaran adalah dengan menggunakan sebutan struktur, iaitu keperluan fungsian pengumpulan sebagai syarat-syarat perlu pengeluaran semula sosial. Pusingan modal industri bermula dengan modal wang dan memerlukan pelaburan-pelaburan dalam modal tetap jangka masa panjang, penyelidikan, hasil pengeluaran dan lain-lain (Harvey, 1978). Model pengeluaran kapitalis mengesahkan keutamaan pelaburan daripada 'persoalan' mengenai lokasi. Geografi industri wujud semata-matanya sebagai akibat dinamis pengumpulan modal pelaburan, bukan daripada akibat penempatan stasis aktiviti-aktiviti ke lokasi-lokasi terbaik dari segi taburan pasaran, tenaga buruh dan bahan-bahan mentah. (Walker, 1981; hal 481). Geografi industri lebih tepat dijelaskan sebagai satu gambaran ketidakseragaman berasaskan lebih kepada perbezaan-perbezaan dalam pengumpulan semula pelaburan modal yang mewujudkan sistem pusat pinggir (Walker, 1978).

Terdapat beberapa cara untuk menambahkan kuasa pengeluaran. Sebahagian daripadanya adalah akibat usaha oleh para kapitalis individu, yang lain adalah akibat tidak terancang tindakan kolektif mereka. Kertas penyelidikan ini bertujuan mengasingkan kuasa lain yang menggerakkan pembentukan modal pelaburan dan menggalakkan pusingan modal dengan langkah-langkah lain, misalnya melibatkan pelabur-pelabur kecil pada peringkat isirumah dan melabur modal pelaburan yang terkumpul dalam syarikat-syarikat gabungan saham.

Cara Pengeluaran Isirumah

Seperti di Eropah dan di Britain pada abad ke 18, di Malaysia pada masa kini, cara pengeluaran oleh isirumah ketara dalam industri-industri pembuatan tempatan. Perniagaan-perniagaan keluarga dan milik persendirian berjumlah lapan puluh lima peratus daripada jumlah bilangan unit-unit industri. Bank Antarabangsa bagi Pembinaan Semula dan Pembangunan (IBRD) melaporkan bahawa perniagaan skala kecil merupakan satu keadaan biasa pada dekad-dekad tahun 1940'an dan 1950'an. Kira-kira empat puluh peratus orang yang bekerja terdiri daripada mereka yang bekerja untuk diri sendiri ataupun bekerja dalam perniagaan keluarga tanpa menerima gaji. Dari segi pengagihan ras, dan kecuali ladang-ladang dan lombong-lombong bijih timah milikan orang Eropah, di antara lapan puluh dan sembilan puluh peratus daripada mereka yang bekerja serta menjadi majikan sendiri adalah orang Cina.

Jika kriteria dua puluh atau kurang pekerja-pekerja penuh masa diterima bagi mentafsir satu perniagaan skala kecil, pada tahun 1959 dan 1968, perniagaan skala kecil berjumlah lapan puluh tujuh peratus daripada semua perusahaan pembuatan (Hoffman, L. dan Tan, S.E. 1980, hal 15). Bilangan firma-firma ini hampir sama dengan firma-firma di bawah milikan individu ataupun perkongsian. Keadaan ini dapat dijelaskan oleh perhubungan erat, semangat berjimat-cermat dan kebijaksanaan berniaga di antara masyarakat perniagaan Cina. Jumlah besar bilangan unit-unit perusahaan kecil dicirikan pula oleh bilangan yang tinggi unit perniagaan individu yang gagal, walaupun ternyata kebanyakan unit-unit individu yang gagal itu sering akan meneruskan perniagaan mereka di bawah nama perniagaan berdaftar yang baru. Ini menggambarkan keteguhan serta keazaman komuniti perniagaan Cina tempatan yang terdiri daripada sebilangan besar pemilik saham individu di pusat-pusat bandar.

Tingakhlaku Simpanan Isirumah di Kawasan Luar Bandar

Banyak penulisan mengenai keadaan kewangan di kawasan luar bandar di Malaysia bertumpu kepada peruntukan kredit dan penggunaannya pada peringkat isirumah di ladang. Penulisan mengenai simpanan oleh isirumah telah diberikan perhatian yang kurang. Kekurangan penyelidikan mengenai simpanan-simpanan di kawasan luar bandar disebabkan oleh andaian yang umum bahawa golongan isirumah di kawasan luar bandar tidak mampu menyimpan kerana hipotesis yang sering diutarakan iaitu 'lingkaran ganas' yang menyaranakan bahawa simpanan di negara-negara kurang maju adalah rendah ataupun tipis sekali akibat pendapatan yang rendah (Moktar Tamin 1980, hal 4). Lagi pun diandaikan bahawa setiap kenaikan dalam pendapatan digunakan sebahagian besarnya untuk penggunaan. Ini bererti keupayaan marginal untuk penggunaan di antara isirumah

di kawasan luar bandar sangatlah tinggi.

Kerja-kerja penyelidikan di Taiwan (Adam, 1976) dan di Korea (Ahn, 1977) menghasilkan bukti mengenai keupayaan simpanan yang tinggi di kawasan luar bandar Taiwan dan Korea Selatan pada tahun-tahun 1960'an dan 1970'an yang digalakkan pula oleh langkah-langkah sesuai dalam dasar pembangunan. Penyelidikan-penyelidikan tersebut menyarankan bahawa dasar-dasar harga dan kadar faedah, penyesuaian-penyesuaian, rancangan-rancangan pelaburan awam, dan institusi-institusi kewangan di kawasan luar bandar yang diberi galakan hebat, kesemuanya penting dalam meningkatkan simpanan-simpanan di kawasan luar bandar (Tamin, 1980, hal 5). Bukti-bukti juga dibekalkan oleh Brown mengenai tingginya keupayaan marginal untuk menyimpan di antara isi rumah yang memiliki ladang dengan keluasan ekar yang kecil (Brown, 1973).

Sekim Amanah Saham Nasional

Di dalam kertas ini saya ingin menganalisa tentang pengalaman Malaysia dengan Amanah Saham Nasional (ASN) sebagai satu institusi untuk mengumpulkan simpanan pada peringkat isirumah untuk pelaburan modal. Untuk memahami prestasinya, adalah perlu untuk diingati bahawa ia bukanlah institusi pertama yang dibentukkan semata-mata untuk memenuhi matlamat ini, tetapi ia memang boleh dianggap sebagai sebuah agensi untuk menggalakkan pelaburan dalam sektor syarikat-syarikat besar oleh masyarakat Bumiputera yang kekurangan modal.

Di dalam masyarakat berbilang kaum, ketidakseimbangan dalam pola hakmilik dan penguasaan serta satu struktur ekonomi yang tidak seimbang terbukti daripada pola hakmilik sektor syarikat dalam ekonomi. Pada penghujung 1970, kepentingan Bumiputera memiliki hanya 2.4 peratus daripada jumlah saham modal syarikat-syarikat sendirian berhad di Semenanjung Malaysia, berbanding dengan 34.3 peratus yang dimiliki oleh rakyat Malaysia yang lain, dan 63.3 peratus yang dimiliki oleh golongan bukan rakyat Malaysia. (Rancangan Malaysia Ketiga, hal 86). Dasar-dasar dan rancangan-rancangan kerajaan yang disediakan di bawah Dasar Ekonomi Baru 1970 yang bertujuan menghapuskan kemiskinan dan menstruktur semula masyarakat dan imbalan ekonomi (Rancangan Malaysia Kedua 1971, hal 4 -6) berjaya meningkatkan bahagian yang dimiliki oleh kepentingan Bumiputera sehingga 7.8 peratus pada tahun 1976.

Walaupun peringkat simpanan dalam modal ekuiti syarikat oleh individu dan syarikat Bumiputera telah meningkat dengan pesat selama ini disebabkan bertambahnya penyertaan mereka dalam perniagaan dan industri, dirasa peningkatan ini tidak memadai, memandangkan jumlah

saham yang telah diperuntukkan untuk komuniti Bumiputera keseluruhannya. Agensi-agensi sektor awam telah membeli kebanyakan daripada saham tersebut dan diamanahkan saham ini untuk komuniti Bumiputera. Dalam beberapa kes, saham-saham ini tidak diperolehi langsung. Tujuannya ialah supaya saham-saham ini yang dilabur dalam syarikat yang kukuh dan kini diamanahkan, kemudiannya akan dijual kepada individu dan syarikat Bumiputera ketika peringkat pendapatan dan simpanan komuniti Bumiputera meningkat melalui masa.

Agensi-agensi kerajaan pada tahun-tahun 1971 - 1975, dapat meningkatkan milikan mereka dalam modal ekuiti syarikat pada kadar purata tahunan sebanyak 67.4 peratus. Tetapi telah dianggarkan bahawa agensi tersebut perlu meningkatkan milikan mereka dalam jumlah saham syarikat pada kadar purata tahunan 26.4 peratus supaya dapat membantu komuniti Bumiputera mencapai matlamat 30 peratus ekuiti sektor syarikat menjelang tahun 1990. Oleh itu, agensi-agensi tersebut perlu memiliki dan diamanahkan saham-saham baru bernilai kira-kira M\$18 billion pada hujung tahun 1990, berbanding dengan M\$541 juta yang dimiliki oleh mereka pada hujung 1975 (Malaysian Industrial Digest, hal 10).

Bagi memenuhi tujuan tersebut, Yayasan Pelaburan Bumiputera ditubuhkan dalam bulan Januari, 1978, untuk bertindak sebagai satu kumpulan pelaburan Bumiputera. Kumpulan pelaburan Bumiputera ini akan memiliki dan diamanahkan saham-saham sektor syarikat yang diperuntukkan untuk komuniti Bumiputera di bawah Dasar Ekonomi Baru. Penubuhan Yayasan Pelaburan Bumiputera dengan sumbangan utama M\$200 juta daripada pihak kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, perlu ditinjau sebagai satu lanjutan usaha kerajaan mendirikan institusi-institusi untuk membantu komuniti Bumiputera memiliki bahagiannya dalam sektor penting serta dinamik ekonomi negara. Yayasan ini akan menentukan dasar-dasar dan garis panduan operasional bagi semua anak-anak syarikatnya, manakala kepentingan pihak kerajaan akan diwakili di dalam Lembaga Amanah Yayasan tersebut.

Untuk mencapai matlamat-matlamat Yayasan ini, Permodalan Nasional Berhad ditubuhkan pada 17 Mac 1978 sebagai sebuah anak syarikat yang dimiliki penuh oleh Yayasan dengan modal yang dibenar sebanyak M\$200 juta. Modal Permodalan Nasional Berhad (PNB) yang diterbitkan dan dibayar penuh ialah M\$100 juta, dan saham-saham telah diperolehi dan dibayar oleh Yayasan ini pada 1 Mei 1978. Permodalan Nasional Berhad ialah sebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat-syarikat Malaysia 1965.

Tujuan PNB ialah pelaburan modal yang diperolehinya melalui pinjaman-pinjaman ataupun cara-cara lain yang dijalankan oleh Yayasan. Fungsi utama Yayasan ialah untuk menilai, memilih dan membeli serta

mengumpul berbagai saham syarikat-syarikat sendirian berhad atau syarikat-syarikat awam berhad yang mempunyai potensi tinggi, untuk diamanahkan dan untuk penjualan kemudiannya kepada Tabung Unit Amanah yang telah ditubuhkan di bawah sekim Unit Amanah Saham Nasional. Unit-unit tabung ini dijual kemudiannya kepada komuniti Bumiputera. Untuk memastikan bahawa saham-saham tersebut dinikmati oleh segenap lapisan masyarakat Bumiputera, Amanah Saham Nasional Berhad ditubuhkan pada bulan Mei, 1979, sebagai sebuah syarikat pengurusan amanah saham, yang dimiliki penuh oleh PNB untuk menguruskan Tabung Amanah Saham dan Sekim Amanah Saham Nasional. Sekim Amanah Saham Nasional dilancarkan pada 20 April 1981.

Matlamat-matlamat Sektor Syarikat dan Garispanduan Pelaburan-pelaburan Yayasan Pelaburan Bumiputera dan Permodalan Nasional Berhad.


Sebelum kita mengkaji dengan lebih lanjut lagi mengenai Amanah Saham Nasional Berhad, adalah tepat pada ketika ini untuk mengkaji secara ringkas struktur, matlamat-matlamat sektor syarikat dan garispanduan operasional pelaburan-pelaburan Yayasan Pelaburan Bumiputera dan Permodalan Nasional Berhad.

Pengalaman di Malaysia menunjukkan bahawa saham-saham yang diperuntukkan kepada individu-individu Bumiputera jarang disimpan oleh pemegang individu. Pemegang-pemegang saham ini lebih berminat dengan keuntungan dari kenaikan nilai saham-saham tersebut daripada memiliki saham-saham ini sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru yang dilancarkan oleh pihak kerajaan. Saham-saham yang diperuntukkan kepada institusi-institusi Bumiputera, seperti Tabung Haji, Tabung Angkatan Tentera, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dan institusi-institusi lain yang diberikan status Bumiputera, telah dipegang oleh institusi-institusi tersebut, tetapi institusi ini akan menjual saham-saham tersebut apabila harga saham mereka meningkat dalam pasaran saham. Perkara ini sememangnya bercanggah dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru. Penyelidikan telah menunjukkan bahawa apabila pemegang-pemegang saham Bumiputera menjual saham mereka, hasil daripada penjualan tersebut digunakan untuk tujuan-tujuan penggunaan dan bukan untuk dilabur semula (Far Eastern Review, 23 Januari 1981).

Disebabkan kekurangan pemilikan ekuiti Bumiputera dalam sektor syarikat, Yayasan Pelaburan Bumiputera ditubuhkan sebagai sebuah syarikat dengan jaminan yang terhad, tanpa gabungan saham-saham untuk dimiliki dan menguruskan modal yang diluluskan oleh Parlimen dan dari sumber lain untuk tujuan menggalakkan hakmilik modal saham oleh komuniti Bumiputera dalam sektor syarikat di Malaysia sejajar dengan

Dasar Ekonomi Baru. Berkait dengan matlamat asas ini, Yayasan ini bertujuan menggalakkan perkembangan keusahawanan dan kemahiran pelaburan di kalangan komuniti Bumiputera. Lebih tepat lagi, Yayasan ini bertujuan menjadi sebuah agensi aktif dalam menyelaraskan dan membantu semua pelaburan dalam sektor syarikat oleh institusi-institusi kerajaan, badan-badan berkanun dan individu-individu serta syarikat-syarikat Bumiputera.

STRUKTUR ORGANISASI



Sumber: Dipetik dari Amanah Saham Nasional Prospektus Pelaburan, 1982.

Permodalan Nasional Berhad ditubuhkan sebagai sebuah anak syarikat yang dimiliki penuh oleh Yayasan Pelaburan Bumiputera untuk mencapai matlamat-matlamat Yayasan serta memainkan peranannya. Matlamat utama PNB ialah untuk menilai, memilih dan memiliki kumpulan saham-saham daripada syarikat-syarikat awam dan bersendirian di Malaysia dengan liabiliti terhad dan yang mempunyai potensi pertumbuhan yang baik. Saham-saham ini akan digunakan untuk menggalakkan pemilikan modal saham oleh komuniti Bumiputera dalam sektor syarikat di Malaysia. PNB perlu juga memperolehi saham-saham dari syarikat-syarikat yang terpilih kerana pemilikan saham-saham tersebut adalah strategis untuk mencapai aspirasi-aspirasi negara. PNB perlu bersifat perdagangan dalam seluruh operasinya. Dengan mempunyai kuasa-kuasa tertentu serta keupayaan untuk mengumpul modal melalui pinjaman-pinjaman atau sumber-sumber lain, PNB melaburkan modal ini dalam peluang-peluang pelaburan yang wujud agar dapat menggunakan sumber-sumber yang sedia ada dengan berkesan atas satu dasar kewangan yang kukuh dan diterima ramai. PNB perlu menjadi 'pembeli pada saat terakhir' saham-saham yang diperuntukkan kepada komuniti Bumiputera. PNB tidaklah bersifat terhad dalam keputusan pelaburannya tetapi elemen risiko dapat dikurangkan sekiranya sejumlah besar sumber-sumber tidak dilabur dalam modal sesebuah syarikat serta menghadkan pelaburannya dalam asset-asset penuh risiko misalnya saham-saham syarikat-syarikat baru yang tidak mempunyai rekod prestasi serta pasaran-pasaran yang tertentu dan berminat.

Mengikut tutur rujukannya, PNB tidak boleh terlibat secara langsung dalam pengurusan syarikat-syarikat dari mana ia memperolehi saham-sahamnya. Ia hanya perlu memastikan terdapatnya perwakilan dalam lembaga di Syarikat-syarikat yang banyak mempunyai pelaburannya. PNB layak diperuntukkan saham-saham syarikat yang bersetuju untuk menawarkan saham-sahamnya kepada komuniti Bumiputera sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru. PNB berhak menilai saham-saham yang ditawarkan kepadanya serta menerima ataupun menolak tawaran itu. Sekiranya PNB berpendapat bahawa ada faedah menerima saham-saham yang ditawarkannya, Kementerian Perdagangan dan Industri perlu menetapkan bahawa sekurang-kurangnya 10 peratus saham-saham baru diperuntukkan kepada PNB.

Pada tahun 1981, PNB telah memindahkan lebih dari 552 juta daripada 600 juta saham dalam 21 syarikat yang dikuasai oleh pihak kerajaan bagi pihak Bumiputera (Far Eastern Economic Review, Januari 1981, hal 3).

Secara ringkas, kedua-dua, Yayasan Pelaburan Bumiputera dan PNB telah mengikut landasan sosialis dalam menstruktur semula hakmilik melalui pembiayaan kerajaan yang disampaikan secara langsung kepada

agensi-agensi amanah awam.

Isu-isu yang penting ialah:- bagaimana sebuah isi rumah dalam komuniti Bumiputera memperoleh hakmilik modal saham dan mendapat keuntungan daripadanya, selain daripada saluran-saluran simpanan dan pelaburan yang sedia wujud dan terbuka kepada semua rakyat Malaysia? Lebih-lebih lagi apakah sumbangan sebuah isi rumah kepada pengumpulan modal yang perlu dilabur?

Sifat Amanah Saham Nasional

Saham-saham yang diperolehi oleh PNB tidak dijual secara langsung kepada komuniti Bumiputera, tetapi diguna untuk menubuhkan Amanah Saham Nasional. Unit individu tabung amanah yang bernilai M\$1 tiap-tiap satu dikeluarkan kepada individu-individu Bumiputera yang berlayak. Semua Bumiputera berumur 18 tahun dan ke atas layak melabur. Format ini bertujuan mengatasi amalan yang meluas pada suatu ketika dahulu oleh beberapa golongan dalam komuniti Bumiputera, untuk membeli saham-saham syarikat dengan satu diskaun besar dari harga pasaran, dan kemudiannya menjual saham-saham mereka di pasaran saham supaya mendapat keuntungan besar dalam satu jangkamasa pendek. Langkah seperti ini bercanggah dengan matlamat utamanya. Keperluan mengekalkan hakmilik Bumiputera menimbulkan suatu syarat bahawa unit-unit tabung tersebut hanya boleh dibeli dan dijual melalui pejabat-pejabat ASN atau agen-agen sah pada nilai setaraf. Agen-agen ini terdiri daripada pejabat pos dan cawangan-cawangannya, lima buah bank tempatan dan jaringan cawangan-cawangannya, bank pertanian dan unit-unit bergerak ASN di kawasan-kawasan yang terpencil.

Struktur unit individu dalam Tabung Amanah ada mempunyai kelebihan-kelebihan yang lain. Unit adalah bentuk mudah untuk pelaburan oleh komuniti Bumiputera umumnya. Tabung amanah mengumpulkan kepelbagaian saham tanpa menghendaki pengetahuan terperinci dari para pelabur biasa mengenai syarikat-syarikat yang terlibat. Para pelabur tidak payah menumpukan kepada harga-harga pembelian dan penjualan unit-unit setelah unit tersebut dikeluarkan, seperti yang dilakukan oleh Tabung Amanah Unit Bumiputera. Walau bagaimanapun, setiap pemegang saham boleh menjual unit-unit yang sudah dibayar pada bila-bila masa tetapi hanya pada nilai setaraf M\$1 tiap-tiap satu.

Memandangkan bahawa pendapatan minima bulanan isirumah dari golongan empat perpuhuan yang rendah pada tahun 1979 ialah M\$140 sebulan (Rancangan Malaysia Keempat, hal 37), pelaburan pokok yang minima M\$10 dan maksima M\$50,000 memang bertujuan untuk

menyemaikan semangat berjimat cermat serta menyalurkan simpanan potensi jumlah-jumlah yang berbeza-beza, daripada segolongan besar pekerja yang menerima pendapatan. Secara kumulatif ASN mewujudkan hakmilik kolektif, saham-saham syarikat yang disenaraikan dalam pasaran saham, oleh golongan isirumah Bumiputera. (Jadual 6).

Untuk menyertai sekim ini setiap orang peserta perlu membuat pelaburan minima 100 unit di dalam sekim ini. Pelaburan minima ini disebut pelaburan pokok tetapi setiap orang peserta perlu bayar hanya M\$10 (untuk 10 unit) untuk menghasilkan 100 unit. Bayaran tunai ini menjadi pelaburan minima wang tunai di dalam sekim tersebut. Dengan membuat pelaburan permulaan sebanyak M\$10 untuk 10 unit, seorang peserta akan memiliki 100 unit nilai setaraf menjelang 1990, tanpa membuat bayaran selanjutnya. Ini bererti bahawa pengurus sekim tersebut menjamin dividen sekurang-kurangnya 10 peratus setahun akan dibayar bergantung kepada unit-unit yang diperolehi sehingga 1990. Sebenarnya sekim ini memberikan M\$90 kepada pemegang saham yang patut dibayar dalam masa 9 tahun daripada dividen tahunan yang terjamin 10 peratus ke atas 100 unit. Ini hanya melibatkan 100 unit pelaburan pokok. Pelaburan tambahan dengan had pembelian sehingga 50,000 unit bertujuan mewujudkan ciri peluang persamaan dalam segenap lapisan masyarakat Bumiputera untuk melabur dalam sekim ini.

Keistimewaan lain yang menjadikan sekim ini lebih menarik dari sekim simpanan-simpanan dan cara pelaburan yang sedia ada termasuk bonus yang dikeluarkan bergantung kepada pulangan nilai saham-saham dalam tabung Unit Saham dan pelepasan cukai pendapatan untuk dividen-dividen yang diterima sehingga maksima M\$5,000 setahun, iaitu dividen-dividen ke atas pelaburan maksima dalam sekim ini.

Suatu Penilaian Kemajuan yang Tercapai

Kejayaan sekim ini dalam mengumpulkan simpanan daripada pendapatan isirumah khasnya untuk tujuan pengumpulan modal pelaburan, akan bergantung kepada tindakbalas isirumah kaum Bumiputera. Tindakbalas ini bergantung kepada beberapa faktor. Pertama, kerelaan mereka mengubah sikap-sikap lama dan kecenderungan mereka terhadap bentuk-bentuk simpanan, dan pelaburan yang lain. Penemuan daripada satu kajian sampel 4000 orang Bumiputera dengan 3820 responden yang terdiri daripada sembilan kategori pekerjaan termasuk mengajar, perkhidmatan kerajaan, pekerjaan dalam pihak swasta, menaja, menanam padi, menanam kelapa, tembakau, kelapa sawit dan menanam getah menunjukkan bahawa 59.6 peratus responden-responden cenderung untuk menyimpan simpanan mereka dalam bentuk wang tunai. 22.3 peratus menyatakan mereka lebih suka menyalurkan simpanan dalam

bentuk barang-barang kemas; 22 peratus menyatakan kesukaan mereka untuk menyimpan simpanan dalam syarikat-syarikat koperatif; 20.1 peratus cenderung melaburkan simpanan dalam pembelian tanah; 16.8 peratus responden lebih suka menyimpan wang untuk menunaikan Fardhu Haji dan hanya 7.7 peratus menunjukkan keinginan untuk melabur simpanan mereka dalam saham-saham syarikat (Berita Harian, 7 April 1983). Keutamaan-keutamaan terhadap bentuk-bentuk simpanan tersebut mungkin dikaitkan dengan faktor kedua iaitu, tujuan-tujuan utama untuk simpanan seperti yang dikajikan di atas.

Hanya 2.8 peratus responden yang mementingkan pendapatan daripada dividen-dividen dalam pelaburan saham sebagai tujuan utama untuk menyimpan. Kumpulan terbesar yang terdiri daripada 31.9 peratus menyatakan tentang faktor langkah-langkah kontigensi dalam keadaan kecemasan sebagai tujuan utama untuk menyimpan, manakala 17.1 peratus memberi sebab pendidikan dan 9.1 peratus menganggap simpanan untuk masa tua nanti. Kecenderungan untuk menyimpan dalam bentuk wang tunai didapati dipengaruhi oleh tujuan utama untuk menghadapi ketidaktentuan dan peristiwa-peristiwa yang tidak dijangkakan. Sememangkan tindakan ini berkait dengan faktor ketiga, peringkat pendapatan rendah komuniti itu dan lebihan yang terhad ataupun simpanan yang terhad daripada keperluan-keperluan asas. Kenyataan ini ternyata daripada data yang diberikan di atas dan juga daripada petani-petani tembaku yang tidak melabur dalam ASN kerana purata pendapatan bulanan mereka ialah \$134/- dan purata simpanan bulanan mereka berjumlah M\$8.17 sebulan (Berita Harian, 7 April 1983).

Faktor-faktor budaya juga mempengaruhi tujuan-tujuan untuk menyimpan. Simpanan-simpanan untuk membeli barang-barang kemas ialah satu sifat budaya kaum Bumiputera yang penting. Barang-barang kemas ialah satu simbol status dan penting dalam upacara perkahwinan. Barang-barang emas dan berlian, pancalogam emas, perak dan tembaga mengikut susunan turun nilai dan keutamaan ini, meningkatkan status isi rumah itu dalam sesuatu komuniti. Ia adalah suatu ukuran secara tidak langsung kekayaan dan kedudukan dalam masyarakat.

Oleh sebab telah menjadi sebuah komuniti yang terlibat dalam pertanian untuk beberapa generasi, mobilisasi simpanan isi rumah untuk pembelian tanah dan hakmilik tanah seharusnya, telah menjadi satu syarat penting untuk kemajuan ekonomi dalam sektor tersebut. Penekanan ke atas hakmilik tanah dan usaha membantu golongan yang tidak bertanah telah digalakkan oleh badan-badan institusi sejak kemerdekaan pada tahun 1957.

Permintaan untuk barang-barang pengguna oleh isi rumah di kawasan luar bandar juga telah menimbulkan kesedaran mengenai cara

pengeluaran kilang dan kemudiannya menggalakkan penyertaan kaum lelaki di dalam sektor perusahaan pembuatan. Pola ini diikuti pula oleh penyertaan kaum wanita dalam sektor perusahaan untuk mendapatkan gaji. Golongan-golongan isirumah di kawasan luar bandar telah menikmati faedah dalam bentuk pendapatan pindahan daripada gaji anak-anak mereka yang bekerja dalam kilang-kilang pemasangan. Pengumpulan simpanan-simpanan isirumah untuk pelaburan dalam sektor syarikat memang merupakan satu lagi langkah permulaan yang lebih besar dalam arah yang sama. Peringkat penyertaan yang tercapai perlu dianalisa dalam konteks sosio-ekonomi dan budaya ini.

ASN dilancarkan pada April 1981. Pada hujung April 1983, 1,208,118 individu-individu telah menyertai dengan sejumlah pelaburan sebanyak M\$855,119,021 ataupun jumlah unit yang sama yang telah dijual (Jadual 1). Ini berjumlah 26.4 peratus daripada mereka yang layak untuk melabur. Satu pecahan bilangan pemegang-pemegang unit yang diperolehi pada hujung April 1983, menunjukkan bahawa kumpulan terbesar terdiri daripada mereka yang memiliki di antara 101 hingga 500 unit (Jadual 2). Kategori ini berjumlah 51.3 peratus, manakala mereka yang memiliki 100 unit berjumlah 34.5 peratus daripada jumlah pelabur-pelabur. Dari segi kewangan, kedua-dua kategori ini tidak mampu memohon saham syarikat yang dikeluarkan ataupun membeli saham dipasaran saham. Di dalam kedua-dua contoh ini permohonan untuk membeli saham haruslah untuk minimum 1000 unit saham dan nilai minimum M\$1 bagi satu unit saham akan memerlukan pelaburan pokok lebih daripada M\$1000 dengan mengambil kira bayaran setem dan wang komisyen.

Dari analisa ini, tujuan-tujuan sosial sekim ini adalah jelas tetapi lebih penting ialah kesan kumulatif simpanan peringkat rendah di antara satu kalangan besar masyarakat Bumiputera. Sekim ini bertujuan mewujudkan satu kesedaran mengenai peranan positif isirumah kaum Bumiputera dalam pertumbuhan ekonomi yang pesat, yang bergantung kepada keupayaan mereka dan sikap berjimat cermat untuk menukarkan pendapatan kepada lebihan wang dan lebihan wang itu kepada simpanan, dan mengikat simpanan mereka sebagai modal pelaburan dalam proses pengeluaran. Dalam jangkamasa dua tahun ASN telah mengumpul lebih dari M\$855 juta.

Satu analisa mengikut kategori-kategori pekerjaan (Jadual 3) menunjukkan bahawa Bumiputera-Bumiputera yang mendapat gaji menyumbangkan peratusan yang terbesar kepada jumlah yang dilabur (55 peratus). Ini diikuti oleh golongan suri rumahtangga (16.6 peratus) dan petani (9 peratus). Sebagai satu peratusan daripada mereka yang menyertai dalam sekim itu, para petani membentuk satu kumpulan pelabur yang terbesar (19.8 peratus) tetapi sumbangan mereka adalah kecil, manakala secara kolektif kumpulan pelabur yang menerima gaji terdiri daripada 42.4

peratus jumlah pelabur-pelabur. Kadar pelaburan oleh semua kategori-kategori menunjukkan bahawa lebih pengumpulan simpanan Bumiputera adalah mungkin kerana pada hujung April, 1983, hanya 26.4 peratus sahaja dari mereka yang layak telah menyertai dalam sekim tersebut.

Mengikut pecahan pemegang-pemegang unit berdasarkan jantina, (Jadual 4) taburan pada hujung April 1983 menunjukkan lebih ramai kaum lelaki yang melabur. Lelaki Bumiputera terdiri daripada 57.9 peratus daripada jumlah pelabur-pelabur manakala kumpulan wanita terdiri daripada baki 42.1 peratus. Walau bagaimanapun dari segi nilai pelaburan, kumpulan lelaki memperoleh 59.3 peratus jumlah nilai unit-unit yang dibeli dengan min 639 unit untuk seorang pelabur lelaki berbanding dengan min 591 unit untuk seorang pelabur wanita.

Jumlah pelabur yang terbesar adalah mereka dari lingkungan umur 21-35 tahun (48.4 peratus jumlah pelabur-pelabur), diikuti oleh kumpulan dalam lingkungan umur 36-55 yang terdiri daripada 38 peratus jumlah peserta-peserta. Dari segi sumbangan mengikut nilai, kumpulan dalam lingkungan umur 36-55 telah memiliki 47.8 peratus daripada jumlah nilai pelaburan, dan kumpulan dalam lingkungan umur 21-35 terdiri daripada 39.1 peratus nilai pelaburan. Gambaran ini mungkin disebabkan oleh fakta bahawa pelabur dalam lingkungan umur 36-55 mempunyai kedudukan yang kukuh dan oleh itu mempunyai lebih keupayaan untuk menyimpan dan melabur. Satu perkara yang menarik ialah bahawa dari segi jumlah peserta yang layak melabur di dalam sekim tersebut, kumpulan dalam lingkungan umur 21-35 tahun merupakan kumpulan terbesar yang layak, dan terdiri daripada 44.0 peratus, manakala kumpulan dalam lingkungan umur 35-55 tahun hanya merupakan 29 peratus daripada mereka yang layak. Dalam kategori ini hanya 34 peratus dari mereka yang layak telah pun menyertai dalam sekim ini. Ini menunjukkan bahawa potensi besar wujud untuk membolehkan pengumpulan besar simpangan Bumiputera untuk disalurkan sebagai modal pelaburan di dalam sekim ini.

Penutup

Walaupun sekim ini masih baru dilaksanakan ia membayangkan satu pendekatan baru dalam dasar umum terhadap matlamat-matlamat sosial dan ekonomi. Sekim ini telah lebih menumpukan kepada peranan isi rumah dalam struktur semula sosio-ekonomi melalui pengumpulan simpanan-simpanan isirumah untuk pengumpulan modal pelaburan. Ia bertujuan untuk menyemai semangat berjimat cermat melalui satu sistem insentif, walaupun terdapat perbezaan dalam pendapatan yang diterima di antara kalangan komuniti Bumiputera.

Kuasa-kuasa institusi telah cuba untuk membolehkan isirumah yang

mempunyai keupayaan yang rendah untuk menyimpan, supaya boleh menikmati kelebihan-kelebihan dari segi kewangan yang kini dinikmati hanya oleh mereka yang berpengetahuan dan mempunyai lebih wang yang mencukupi untuk berlabur dalam pasaran saham. Sekim ini juga membekalkan persaingan kepada cara-cara simpanan dan pelaburan yang sedia ada untuk menggalakkan satu peringkat simpanan yang lebih tinggi untuk mencapai pertumbuhan pesat. Implisit di dalam sekim ini ialah kenyataan bahawa simpanan pada peringkat isirumah adalah satu prasyarat bagi pertumbuhan ekonomi yang pesat, dan ini pula sangat perlu untuk mencapai matlamat-matlamat sosial. Dengan sekim ini satu langkah praktik untuk menggabungkan rasionalisasi ekonomi dan sosial dilaksanakan dengan sanggup bertanggungjawab membuat keputusan-keputusan baik mengenai pelaburan seperti yang dilakukan oleh semua organisasi kewangan yang mengutamakan keuntungan. Keuntungan ini akan diagih semula kepada komuniti yang telah menyalurkan lebih wang itu untuk pertumbuhan yang pesat.

JADUAL 1
PENYERTAAN BUMIPUTERA DI DALAM SEKIM AMANAH
SAHAM NASIONAL BERHAD SEHINGGA APRIL, 1983

Negeri	Jumlah Bumi-putera yang berkecayaan melabur.	Jumlah Pelabur	Peratus Penyertaan	Nilai S Pelaburan	% Nilai Pelaburan
Perlis	74,704	21,251	28.4	11,403,961	1.3
Kedah	467,225	102,936	22.0	60,174,341	7.0
P. Pinang	196,347	74,439	37.9	57,759,579	6.8
Perak	461,135	140,786	30.5	80,909,846	9.5
Selangor	397,875	95,896	24.1	87,755,497	10.3
Wilayah Persekutuan	202,200	110,931	54.9	207,442,774	24.3
N. Sembilan	154,663	67,854	43.9	41,491,942	4.8
Melaka	144,755	34,101	23.6	19,527,842	2.3
Johor	514,979	153,815	29.9	91,405,205	10.7
Pahang	290,807	85,433	29.4	36,541,087	4.3
Terengganu	280,508	56,938	20.3	30,628,580	3.6
Kelantan	452,591	68,896	15.2	49,081,277	5.7
Sabah	440,548	83,745	19.0	34,358,915	4.0
Sarawak	492,447	111,097	22.6	46,638,175	5.4
JUMLAH	4,570,784	1,208,118	26.4	855,119,021	100.0

Sumber: Amanah Saham Nasional Berhad.

JADUAL 2
PECAHAN PELABUR MENGIKUT KELAS UNIT.

Kelas Unit	Bilangan Pelabur	Peratus Pelabur
100	417,015	34.5
101 - 500	620,141	51.3
501 - 1,000	64,625	5.3
1,001 - 5,000	76,752	6.4
5,001 - 10,000	13,162	1.1
10,001 - 25,000	11,581	1.0
25,001 - 49,000	3,274	0.3
49,001 - 50,000	1,568	0.1
JUMLAH	1,208,118	100.0

JADUAL 3
PECAHAN JUMLAH PELABURAN MENGIKUT
KATEGORI PEKERJAAN PELABUR

Pekerjaan	Bilangan Pelabur	Peratus Pelabur	Nilai \$ Pelaburan	% Nilai Pelaburan
Pemerintah & Ahli Politik	893	0.1	7,553,997	0.9
Kump. Pengurusan & Iktisas	13,047	1.1	84,658,418	9.9
Kump. Pegawai Kerja & Separa Iktisas	26,151	2.1	69,333,073	8.1
Kump. Perkeranian & Teknik	128,804	10.7	104,681,455	12.2
Kump. Kakitangan Rendah & Buruh	203,765	16.9	79,345,137	9.3
Anggota Tentera	46,512	3.8	25,045,246	2.9
Anggota Polis	31,569	2.6	19,987,857	2.3
Guru	59,426	4.9	84,322,138	9.9
Petani	239,609	19.8	76,861,952	9.0
Nelayan	11,953	1.0	4,178,795	0.5
Perniagaan	27,533	2.3	43,238,263	5.1
Bekerja Sendiri	70,941	5.9	35,998,012	4.2
Pesara	13,717	1.1	27,357,012	3.2
Suri Rumahtangga	213,409	17.7	142,209,005	16.6
Pelajar	22,846	1.9	15,320,999	1.8
Tidak Mempunyai Pekerjaan	40,333	3.3	17,803,556	2.1
Peneroka	48,275	4.0	12,057,571	1.4
Tidak dinyatakan Pekerjaan	9,335	0.8	5,166,535	0.6
JUMLAH	1,208,118	100.0	855,119,021	100.0

JADUAL 4
PECAHAN PELABUR DAN NILAI PELABURAN
MENGIKUT JANTINA

Jantina	Bilangan Bumiputera yang berke-layakan	Bilangan Pelabur	% Pelabur	% layak dalam setiap kumpulan	Nilai \$ Pelaburan	% Nilai Pelaburan
Lelaki	2,248,188	699,919	57.9	31.1	506,747,700	59.3
Perempuan	2,333,596	508,199	42.1	21.9	348,371,321	40.7
JUMLAH	4,570,784	1,208,118	100.0	26.4	855,119,021	100.0

JADUAL 5
PECAHAN PELABUR DAN NILAI PELABURAN
MENGIKUT UMUR SEHINGGA APRIL 1983.

Umur	Bilangan Bumiputera yang berke-layakan	Bilangan Pelabur	% Pelabur	% Penyertaan	Nilai \$ Pelaburan	% Nilai Pelaburan
18 - 20	548,315	32,545	2.7	5.9	10,694,756	1.2
21 - 35	2,014,532	584,265	48.4	29.0	334,048,618	39.1
36 - 55	1,351,104	458,985	38.0	34.0	408,539,828	47.8
≥ 56	656,833	132,323	10.9	20.1	101,835,819	11.9
JUMLAH	4,570,784	1,208,118	100.0	26.4	855,119,021	100.0

JADUAL 6
AMANAH SAHAM NASIONAL (ASN)
SENARAI PELABURAN SEHINGGA 31 DISEMBER 1982

Disebutharga

Industri

Peratus Pelaburan ASN

Ajinamoto (M) Berhad	0.334
Bata (M) Berhad	0.051
Chemical Co. of Malaysia Berhad	0.115
Chocolate Products (M) Berhad	0.205
Cycle & Carriage Bintang Berhad	0.662
Datuk Keramat Holdings Berhad	0.049
Dunlop Malaysia Industries Berhad	0.051
ESSO Malaysia Berhad	0.054
ESSO — Preference	0.039
Federal Flour Mills Berhad	1.921
Fime Metal Bod Berhad	0.001

Hume Industries (M) Berhad	0.018
Industrial Oxygen Incorporated Berhad	0.060
Khong Guan Flour Milling Ltd.	0.011
Lien Hoe Industries Berhad	0.003
Lion Corporation Berhad	0.107
Malaysian Tobacco Company Berhad	6.793
Malayan Cement Berhad	0.035
Malaysian Oxygen Berhad	0.484
Malex Asbestos Cement Berhad	0.390
The New Straits Times Press (M) Berhad	0.029
Norsechem (M) Berhad	0.008
Oriental Holdings Berhad	1.185
Paper Products (M) Berhad	0.030
Perlis Plantations Berhad	0.211
South Pacific Textile Industries Berhad	0.001
Universal Cables (M) Berhad	0.002
Wilkinson Process Rubber Company Berhad	0.013

Getah/Kelapa Sawit

Batu Kawan Berhad	2.387
Consolidated Plantations Berhad	0.010
Dunlop Estates Berhad	0.006
Guthrie Ropel Berhad	0.590
Highlands & Lowlands Berhad	5.906
Kuala Lumpur Kepong Berhad	0.002
Kundong Tanjong Pau Co. Berhad	0.005
Malakoff Berhad	0.011
Malaysian Rubber Estates Berhad	0.918
Riverview Rubber Estates Berhad	0.005
Selangor Coconuts Berhad	0.028
United Plantations Berhad	0.022

Kewangan

Malayan Banking Berhad	6.014
Malaysia Building Society Berhad	4.123

Bijih Timah

Austral Amalgamated Tin Berhad	0.019
Berjantai Tin Dredging Berhad	0.015
Malaysia Mining Corporation Berhad	17.999
Selangor Dredging Berhad	0.009
Timah Langat Berhad	3.673

Harta

Bandar Raya Developments Berhad	
Bolton Properties Berhad	1.628
Ipoh Garden Berhad	0.119
Island & Peninsular Development Berhad	2.785
Petaling Garden Berhad	5.035
United Estate Projects Berhad	2.381

Tidak Disebutbarga**Industri**

Cerebos (M) Sdn. Berhad	0.298
C.I. Holdings Sdn. Berhad	0.530
Crowncorks Malaysia Sdn. Berhad	0.172
Goodyear Malaysia Berhad	0.630
Gadelius Sdn. Berhad	0.043
I,C.I. (M) Sdn. Berhad	3.132
Kim Fashion Knitwear (M) Sdn. Berhad	1.289
Kontena Nasional Sdn. Berhad	1.044
Lever Brothers (M) Sdn. Berhad	1.551
Matsushita Indus. Corp. Sdn. Berhad	0.454
Malaysian Sheet Glass Sdn. Berhad	0.430
Panelex Sdn. Berhad	0.075
Pernas NEC Tele-Communications Sdn. Berhad	0.243
Rheem Hume (M) Berhad	0.215
Senawang Edible Oil Sdn. Berhad	0.272
Sejati Motos Sdn. Berhad	3.347

Pelaburan

Bapema Corporation Sdn. Berhad	2.540
Komplek Kewangan Malaysia Berhad	0.021

Getah/Kelapa Sawit

Boh Plantations Sdn. Berhad	0.344
New Selangor Plantations Sdn. Berhad	0.612

Kewangan

Bank Bumiputra Malaysia Berhad	2.782
Malaysia Industrial Development Finance Berhad	0.199
Malaysian National Insurance Sdn. Berhad	0.835
Malaysian National Reinsurance Berhad	0.849

Harta

UDA-SEA Park Development Sdn. Berhad	0.295
Negara Properties Sdn. Berhad	2.130
Short-Term Investments and cash	3.422

Jumlah: 100.00

Sumber: Laporan Kepada Para Pelabur: 31 Disember 1982, Amanah Saham Nasional.

JADUAL 7
AMANAH SAHAM NASIONAL
PENYATA KEWANGAN SEHINGGA 31 DISEMBER 1982.

Pendapatan	\$
Dividen	62,180,859
Pendapatan dari Sumber lain	1,465,779
Jumlah Pendapatan	63,646,638
Tolak: Bayaran dan lain-lain	2,243,187
Keuntungan sebelum cukai	61,403,451
Keuntungan belum diasing dibawa ke hadapan.	6,184,232
Keuntungan selepas cukai	67,587,683
Keuntungan diedarkan	57,248,601
Keuntungan belum diasing dihantar di hadapan	10,339,082

Sumber: Laporan Odit, Januari 20 1983.

BIBLIOGRAFI

- Adams, D.W. (1976), 'Rural Savings Capacities in Taiwan', 1960-70 *American Journal Of Agricultural Economics*, Vol. 58, No. 3.
- Ahn, C.Y. (1977), 'Recent Savings Behaviour of Rural Households in South Korea'. Paper presented at a Seminar on Research on Rural Finance sponsored by Agricultural Development Council, San Diego.
- Brown, G.T. (1973), *Korean Pricing Policies and Economic Development in the 1960's*, John Hopkin & Press.
- Johnson, Chalmers, (1982), *MITI and the Japanese Miracle: The Growth of Industrial Policy, 1925-1975*, Stamford University Press, California.
- Kulasingam, M. and Tan Siew Ee, (1982), *Changing Patterns of Foreign Investments in Malaysia: Determinants, Issues, and Implications*, Discussion Paper No. 9, School of Social Sciences, Universiti Sains Malaysia.
- Lutz Hoffmann and Tan Siew Ew, (1982), *Industrial Growth, Employment and Foreign Investment in Peninsular Malaysia*, Oxford University Press.
- Moktar Tamin, (1980), Rural Financial Markets, Paper Presented at Sixth Malaysian Economic Convention, Penang.
- Parker, S.R. Brown, R.K. Child, J. and Smith, M.A. (1977), Third Edition, *The Sociology of Industry*, London: Allen and Unwin.
- Shaw, W. (1978), *Marx's Theory of History*, Stamford: Stamford University Press.
- Walker, R. and Storper M. (1981), Capital and Industrial location. *Progress in Human Geography*, Vol. 4, 5, hal 474-509

LAPORAN:

- International Bank for Reconstruction dan Development (IBRD), Report on the Economic Development of Malaya, Baltimore: John Hopkins Press, 1955.
- Government of Malaysia, Second Malaysia Plan 1971-1975, Government Press, 1971.
- Government of Malaysia, Third Malaysia Plan 1976-1980. Government Press, 1976.
- Government of Malaysia, Fourth Malaysia Plan 1981-1985, National Printing Department, 1981.

Malaysian Industrial Digest, Second Quarterly, 1978.

Far Eastern Economic Review, 23 Januari 1981.

Prospek Amanah Saham Nasional Berhad.

Berita Harian

Utusan Melayu.